

# Perpaduan wajar bermula di sekolah



NOOR MOHAMAD  
SHAKIL HAMEED

CADANGAN pihak kerajaan untuk memperkenalkan Modul Silang Budaya di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) bermula pertengahan tahun ini wajar dilihat sebagai satu pendekatan yang menyeluruh dan memberi fokus kepada pencapaian jangka panjang. Justeru, ia perlu disokong sepenuhnya oleh semua pihak yang terlibat agar cadangan ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Joseph Kurup, pelaksanaan modul ini akan melibatkan aktiviti kebudayaan masyarakat berbilang kaum di negara ini termasuk penganjuran kem, seminar, sukan dan sebagainya. Dikatakan terdapat tiga perkara utama yang terkandung dalam Modul Silang Budaya ini seperti moral dan sivik, kenegaraan atau patriotisme serta silang budaya dan adat resam.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dikatakan akan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi bagi melaksanakan modul ini supaya semangat perpaduan dan lima teras prinsip Rukun Negara dapat dihayati dan diterapkan dalam diri setiap pelajar.

Walaupun sebelum ini pelbagai pihak pernah mengemukakan cadangan seperti namun keputusan kerajaan kali ini boleh dikatakan masih belum terlewat untuk dilaksanakan kerana pembentukan semangat jati diri dan perpaduan adalah suatu proses yang cukup dinamik dan berterusan. Ini perlu dipupuk sentiasa agar generasi yang akan datang tidak sama sekali melupakan segala jasa dan pengorbanan generasi terdahulu yang telah meletakkan batu asas yang kukuh untuk kita membina jambatan perpaduan yang kuat.

Malah keputusan kerajaan ini juga boleh dikatakan sedikit sebanyak dapat mengubati kekecwaan majoriti yang mahu diwujudkan sekolah satu aliran agar dapat



UMPAMA melentur buluh biarlah dari rebungnya, kanak-kanak sekolah dan pelajar IPT yang bakal memikul harapan negara perlu dididik supaya sentiasa menjawai semangat perpaduan yang diwariskan kepada kita. - GAMBAR HIASAN

memperkasakan aspek perpaduan dalam kalangan anak kita. Umpama melentur buluh biarlah dari rebungnya, kanak-kanak sekolah dan pelajar IPT yang bakal memikul harapan negara perlu dididik supaya sentiasa menjawai semangat perpaduan yang diwariskan kepada kita.

Hakikatnya perpaduan kaum di negara ini bukanlah terbentuk secara semulajadi. Ia telah melalui satu proses perjalanan yang agak jauh, rumit dan kompleks sebelum kita dapat lihat dan menikmati apa yang ada pada hari ini. Penjajahan Inggeris dan Jepun serta kemasukan imigran dari India dan China telah menjurus dan merintis jalan kepada kewujudan masyarakat majmuk dan pelbagai etnik di Tanah Melayu. Dalam hal ini kesanggupan orang Melayu bertolak ansur dan bekerjasama dengan etnik India dan juga Cina membolehkan akhirnya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957.

Kemuncak kepada kerjasama kaum ini adalah termeterainya kontrak sosial yang kemudiannya menjadi asas yang cukup penting dalam kita membangunkan Perlembagaan Persekutuan. Maka Malaysia yang ada pada hari ini adalah hasil usaha generasi terdahulu yang sanggup

mengetepikan dan mengorbankan ego, perbezaan etnik, agama, latar belakang dan juga pegangan ideologi demi mencapai nikmat kemerdekaan. Persoalannya, berapa ramai dalam kalangan anak muda hari ini memahami segalanya peristiwa ini? Persoalan ini penting dikupas secara serius kerana senario semasa menunjukkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini dilihat cukup nipis dan merisaukan.

Setelah 59 tahun kita melalui pelbagai rintangan dan laluan berdiri merentasi jambatan perpaduan yang telah terbina sekian lama, kini ditimbulkan lagi isu perpaduan kaum dan penyatuan nasional. Perkara ini berlaku kerana generasi pasca merdeka dan kelompok anak muda yang ada pada hari ini dilihat masih belum matang sepenuhnya, gagal menghayati sejarah negara, tidak mampu memahami pengorbanan generasi terdahulu serta masih tidak boleh bertolak ansur antara satu sama lain.

Realitinya walaupun pahit untuk ditelan, percayalah betapa perpaduan yang ada pada masa sekarang lebih berbentuk kosmetik dan permukaan sahaja. Ia jelas tidak kuat dan utuh seperti diharapkan. Buktinya, sedikit saja provokasi sudah cukup untuk mencetuskan konflik

dan pertelingkahan kaum secara serius.

Ternyata peristiwa 13 Mei 1969 yang telah meninggalkan pelbagai kesan buruk kepada negara masih belum dihayati sepenuhnya oleh generasi hari ini. Malah detik kejayaan meraih kemerdekaan melalui kontrak sosial juga seolah-olah semakin lupa untuk dihargai, disyukuri dan diisrafni. Akibatnya pada hari ini kita masih terpaksa terus mencari formula untuk kembali menyatupadukan rakyat pelbagai etnik di negara kita.

Rata-rata masyarakat mengakui masalah perpaduan kaum yang longgar ini berpunca daripada kegalan untuk kita menyatukan anak-anak dari peringkat sekolah rendah lagi. Pengasingan yang berlaku di peringkat sekolah rendah selama enam tahun memberikan kesan yang cukup mendalam kepada kehidupan anak-anak kita. Mereka hanya bergaul dengan kelompok masing-masing untuk satu tempoh masa yang cukup panjang.

Maka tidak boleh salahkan mereka apabila tiba-tiba kita berharap mereka akan bergaul mesra dengan kelompok lain ketika memasuki alam sekolah menengah. Maka bagi penulis segalanya sudah terlewat pada ketika itu. Dan percayalah kesilapan ini terus berlaku sekian lama dan kita masih belum mampu membetulkannya.

Dalam konteks ini penulis percaya pelajar sekolah dan IPT adalah kumpulan sasaran yang terbaik yang boleh memainkan peranan yang cukup signifikan bagi merintis kembali jalan untuk memperkuuh dan memperkasakan semula perpaduan kaum dan penyatuan nasional dalam negara ini. Hal ini kerana mereka sebagai kelompok anak muda yang bijak serta bakal menjadi generasi pelapis kepimpinan negara boleh bertindak sebagai ejen perpaduan nasional.

Justeru mereka wajar dididik tentang maksud sebenar sebuah perpaduan serta apa itu yang dikatakan sebagai bangsa Malaysia yang tulen. Maka kita berharap agar Modul Silang Budaya ini dapat direalisasikan segera demi masa depan Malaysia.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.